

Tuduhan rogol: Pegawai Filipina temu bual pendatang

UM - 7 SEP 2002

MANILA 6 Sept. — Para pegawai Filipina menemu bual pendatang tanpa izin negara itu yang dihantar pulang dari Malaysia berhubung tuduhan rogol yang dilakukan oleh anggota polis Malaysia untuk digunakan sebagai bukti terhadap kes-kes jenayah di masa depan, kata Setiausaha Luar, Blas Ople.

Bagaimanapun katanya, terdapat kesukaran untuk mengumpul maklumat kerana sewaktu di Malaysia mereka enggan bercakap kerana takut dan setelah pulang mereka masih enggan bercakap, terutamanya kaum wanita.

Ople memberitahu wartawan bahawa keterangan daripada mereka yang di-

hantar pulang itu akan dikumpulkan oleh Jabatan Kebajikan Sosial dan Kehakiman dan akan dikemukakan kepada Kementerian Luar untuk dihantar kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Mereka memerlukan bukti tersebut untuk digunakan bagi menyiasat salah laku dan penderaan terhadap rakyat kita di sana,” kata Ople.

Beribu-ribu rakyat Filipina yang masuk secara haram ke Sabah sedang menanti giliran untuk dihantar pulang ke negara itu setelah Malaysia memperkenalkan undang-undang imigresen yang lebih ketat bermula awal bulan lalu. — AFP